

## **LAPORAN KAJIAN**

### **“KEPERLUAN PROGRAM PENDIDIKAN PERTANIAN DI KALANGAN BELIATANI DI KAWASAN LUAR BANDAR”**

**Oleh**



**Dr. Hajjah Norsida Man Dan Prof. Dr. Haji Azimi Hamzah**  
**Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan**  
**Profesional (APEEC)**  
**Universiti Putra Malaysia (UPM)**

**Dengan Kerjasama dan Pembiayaan**

**Dari**

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia**  
**Kementerian Belia dan Sukan Malaysia**

**2007**

## **Bab 1 Pengenalan**

### **1. Latar Belakang**

Beliatani yang berkeupayaan memenuhi harapan negara masa hadapan adalah beliatani yang cemerlang dan berterusan mengorak langkah untuk menjadi seorang petani nukleus. Mereka bertanggungjawab menerajui pengurusan pertanian dan menjadi penyumbang kepada keaktifan pertanian kawasan tempat tinggal mereka. Beliatani seperti inilah yang diharapkan menjadi pelapis pertanian bagi mengantikan generasi petani yang semakin tua dimamah usia. Mereka semestinya mengikut perubahan dan kemajuan dunia hari ini yang menimbulkan berbagai isu dan perkara yang memberi kesan kepada pembangunan beliatani Malaysia. Antaranya adalah seperti perubahan sektor pertanian Malaysia, perubahan taraf dan nilai kehidupan dan perubahan persekitaran yang sangat ketara akhir-akhir ini yang diperbincangkan dalam perenggan-perenggan seterusnya.

#### **1.1 Sektor Pertanian Malaysia**

Sektor pertanian telah menyumbang kepada asas pembentukan ekonomi Malaysia di dalam era selepas merdeka dengan sumbangan kepada KDNK negara sebanyak (46.0%) pada tahun 1957. Pada masa tersebut, aktiviti ekonomi penduduk

lebih tertumpu kepada pertanian dan perlombongan.<sup>1</sup>

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) (1984-1991) pada tahun 1984 dengan memberi penekanan kepada dasar *expansionary* yang mengutamakan tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan koko.

Kemudian, Dasar Pertanian Kedua (DPN2) (1992-1998) yang mana telah membawa kepada pembaharuan dari segi memajukan industri asas tani dan selaras dengan strategi perindustrian iaitu menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui peningkatan produktiviti berserta menambah hasil pertukaran asing negara.<sup>1</sup>

Dasar Pertanian Negara ketiga (DPN3) (1998-2010) pula dilancarkan pada tahun 1998 yang mana menentukan halatuju pembangunan sektor pertanian negara.

Hasil daripada perlaksanaan ketiga-tiga Dasar Pertanian tersebut, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Negara telah bertambah kepada RM21.585 juta iaitu sebanyak (8.2%) pada tahun 2005 (Jadual 1).

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian dan Asas Tani (KPIAT) telah menetapkan sasaran supaya mencapai lebihan (*surplus*) dalamimbangan perdagangan makanan menjelang tahun 2010 melalui Plan Tindakan BOT (*Balance Of Trade*).

Namun begitu, sektor pertanian negara masih lagi dibelenggu dengan isu-isu yang kritikal. Antara masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian kini ialah saiz ladang yang berskala kecil dan tidak berekononomik yang mana menyebabkan produktiviti dan kos pengeluaran yang tinggi.

Selain daripada itu, negara juga menghadapi masalah kekurangan benih di

---

PT<sup>1</sup> Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) Bab 13

sektor-sektor kecil <sup>2</sup> tertentu. Sebagai contohnya sektor sayuran, iaitu terpaksa mengimport benih dari luar negara.

Di samping itu, negara turut berdepan dengan masalah kekurangan tenaga buruh yang membawa kita kepada pengambilan pekerja asing. Seramai 19,343 buruh asing tambahan telah diambil bekerja dalam sektor ini pada tahun 2001 hingga 2003. Hal ini kerana kekurangan belia yang berminat untuk bekerja dalam bidang pertanian dan hanya petani atau pekebun yang semakin tua sahaja yang masih meneruskan bidang usaha ini.

Berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan oleh KPIAT pada tahun 2002/2003, (39.0%) daripada petani yang ditemubual adalah berumur lebih dari 55 tahun.

Negara juga kekurangan pelaburan swasta dalam sektor ini berikutan masih wujudnya persepsi bahawa sektor pertanian mundur dan memberi pulangan yang kurang berbanding sektor lain. Liberalisasi perdagangan di bawah WTO dan AFTA turut menyebabkan hasil pertanian negara menghadapi persaingan lebih sengit daripada negara pengeluar yang lain yang mempunyai kelebihan kos pengeluaran yang rendah.<sup>2</sup> Oleh yang demikian, KPIAT memberi lebih penekanan kepada pembangunan aktiviti hiliran dalam sektor pertanian di masa hadapan.

KPIAT kini sedang mengalami transformasi untuk menjadikan sektor ini lebih moden, dinamik dan berdaya saing, dengan perlaksanaan pelbagai usaha seperti transformasi ladang, transformasi tenaga buruh kepada penggunaan mekanisasi, otomasi dan teknologi, pengurusan ladang yang moden, menjadikan sektor lebih berdaya saing, mempelbagaikan pulangan pelaburan, pengezonan, menyediakan

---

<sup>2</sup> Kertas Kerja Perbentangan

insentif untuk projek pengeluaran makanan serta menyediakan pelbagai latihan kemahiran di samping meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur.

Jadual 1: Sumbangan Pertanian Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), (1970-2010)

Tahun	RM (Juta)	Peratus (%)
1970*	3.797	30.8
1980**	10.190	22.8
1990***	17.308	15.2
2000***	18.662	8.9
2005****	21.585	8.2
2010****	27.518	7.8

Sumber: \* RMK-4 (m.s: 12)

\*\* RMK-5 (m.s:47, 48)

\*\*\* Akaun Keluaran dan Perbelanjaan Negara Tahunan 1987-2002,  
JP (m.s 16, 18)

\*\*\*\* RMK-9 (m.s:50)

## 1.2 Belia dan Pembangunan Pertanian

Seperti yang dinyatakan di dalam dasar-dasar yang telah digubal, golongan belia dikategorikan sebagai aset bernilai negara kerana mereka adalah pewaris yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara dan merupakan sumber tenaga kerja yang terpenting.

Sumber tenaga yang menjadi tunggak negara ini, mestilah dibangunkan dan digembangkan menjadi rakan pembangunan sumber tenaga yang berkualiti dan produktif. Walaupun liberalisasi ekonomi dan dasar penswastaan telah dikatakan sebagai penggerak kepada pertumbuhan ekonomi yang dicapai sekarang, namun seandainya belia kita tidak mampu untuk menerus dan mengekalkan kejayaan yang sedang dicapai dan seterusnya mencipta kemajuan di masa akan datang,

pertumbuhan ekonomi sudah tentu akan terencat.

### 1.3 Program Pendidikan dan Pembangunan Belia

Kerajaan Malaysia melalui program pembangunannya tidak pernah terlupa untuk merangka agenda mengenai pendidikan belia ke arah pertanian di dalam setiap dasar dan tindakan yang dirancangnya. Peluang-peluang untuk menceburi pertanian sentiasa dibuka kepada mereka dan sokongan dari berbagai aspek sentiasa diberikan untuk memastikan kejayaan karier belia-belia ini di dalam pertanian yang mereka ceburi.

Pada tahun 2006, statistik menunjukkan bahawa belia luar bandar (15 hingga 39 tahun) adalah populasi yang paling ramai dengan jumlah 3,999 orang (Rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Unjuran Taburan Penduduk Luar Bandar Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina, Tahun 2006

<b>Kumpulan Umur</b>	<b>Lelaki</b>	<b>%</b>	<b>Perempuan</b>	<b>%</b>	<b>Jumlah</b>	<b>%</b>
0-14 (Kanak-kanak)	1,737.0	17.7	1,617.1	16.5	3,354.1	34.2
15-39 (Belia)	2,052.1	20.9	1,946.9	19.9	3,999.0	40.8
40-64 (Dewasa)	1,045.4	10.7	993.9	10.1	2,039.3	20.8
65 ke atas (Tua)	192.8	2.0	216.5	2.2	409.4	4.2
<b>JUMLAH</b>	<b>5,027.3</b>	<b>51.3</b>	<b>4,774.4</b>	<b>48.7</b>	<b>9,801.7</b>	<b>100</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan

Kerajaan telah melaksanakan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), 2001-2005 yang mana dalam tempoh tersebut program pembangunan belia telah dilaksanakan bertujuan meningkatkan peranan dan penyertaan belia dalam

pembangunan negara. Program ini termasuk pendidikan dan latihan kemahiran serta pada masa yang sama memupuk disiplin dan semangat berdikari, semangat bekerjasama dalam masyarakat serta membina kualiti kepemimpinan di kalangan belia.

Hasil daripada rancangan ini telah menunjukkan peningkatan positif bersesuaian dengan tujuan perlaksanaannya. Golongan belia yang terdiri daripada mereka dalam kumpulan umur 15 hingga 39 tahun merupakan 41.5 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2005. Dalam tempoh RMK8, golongan belia telah meningkat pada kadar purata 2.4 peratus setahun daripada 9.85 juta pada tahun 2000 kepada 11.10 juta pada tahun 2005 (Rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Tahun 2000-2010

Kumpulan umur	Juta Orang			% daripada Jumlah		
	2000	2005	2010	2000	2005	2010
0-14	8.00	8.72	9.18	34.0	32.6	31.7
15-39	9.85	11.10	11.65	42.0	41.5	40.2
Lebih daripada 39	5.64	6.93	8.13	24.0	25.9	28.1
<b>Jumlah</b>	<b>23.49</b>	<b>26.75</b>	<b>28.96</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi

Manakala jumlah belia yang bekerja pada tahun 2005 adalah 6.67 juta atau 60.3 peratus daripada jumlah belia berbanding dengan 6.16 juta atau 62.9 peratus pada tahun 2000. Kebanyakan belia bekerja di sektor pembuatan selaras dengan peluang yang semakin luas dalam sektor ini, iaitu 24 peratus pada tahun 2005. Sektor berikutnya ialah perdagangan borong dan runcit serta hotel dan restoran pada 23.8 peratus diikuti dengan perkhidmatan lain pada 18.9 peratus (Rujuk Jadual

4).

Mengikut kategori pekerjaan pula, peratusan belia yang bekerja dalam kategori pekerjaan professional dan teknikal meningkat daripada 12 peratus pada tahun 2000 kepada 18.7 peratus pada tahun 2005. Di samping itu, peratusan belia yang bekerja dalam kategori pentadbiran dan pengurusan meningkat sebanyak 2.8 peratus manakala belia yang bekerja dalam kategori perkeranian dan pekerjaan berkaitan berkurangan sebanyak 1.6 peratus dalam tempoh yang sama kesan daripada pencapaian pendidikan yang lebih tinggi di kalangan belia (Rujuk Jadual 5).

Kerajaan juga telah bekerjasama dengan sektor swasta dan badan bukan berkanun kerajaan (NGO) bagi perlaksanaan program pembangunan belia seperti latihan kepemimpinan dan kemahiran serta kemahiran keusahawanan. Selain itu, untuk memperkuatkuhan lagi pengurusan dan keupayaan pelaksanaan, agensi sektor awam yang bertanggungjawab telah melancarkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional pada tahun 2004 yang memberi penekanan kepada 11 unsur teras dalam pembangunan belia yang merangkumi kesejahteraan sosioekonomi, bina upaya, kualiti kepimpinan, penyertaan dalam Program Rakan Muda , integrasi sosial dan kesedaran politik di kalangan belia.

Jadual 4: Guna Tenaga Belia Mengikut Sektor, Tahun 2000 dan Tahun 2005

Sektor	'000 Orang		% daripada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	2000	2005	2000	2005	
Pertanian, Perhutanan Penternakan & Perikanan	770.9	751.1	12.5	11.3	-0.5

Perlombongan & Kuari	17.9	21.2	0.3	0.3	3.4
Pembuatan	1,731.0	1,603.5	28.1	24.0	-1.5
Elektrik, Gas & Air	25.7	29.2	0.4	0.4	2.6
Pembinaan	498.7	598.6	8.1	9.0	3.7
Kewangan, Insurans, hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	351.4	493.4	5.7	7.4	7.0
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	266.4	326.0	4.3	4.9	4.1
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel & Restoran	1,197.1	1,588.8	19.4	23.8	5.8
Perkhidmatan Lain	1,303.6	1,259.5	21.2	18.9	-0.7
<b>Jumlah</b>	<b>6,162.7</b>	<b>6,671.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>1.8</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Jadual 5: Guna Tenaga Belia Mengikut Pekerjaan, Tahun 2000 dan Tahun 2005

Pekerjaan	'000 Orang		% daripada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	2000	2005	2000	2005	
Pekerja Profesional Teknikal & Berkaitan	736.6	1,248.8	12.0	18.7	11.1
Pekerja Pentadbiran & Pengurusan	223.9	425.5	3.6	6.4	13.7
Pekerja Perkeranian & Berkaitan	779.1	736.7	12.6	11.0	-1.1
Pekerja Perkhidmatan, Jualan & berkaitan	1,430.7	1,023.9	23.2	15.3	-6.5
Pekerja Pertanian	764.9	654.7	12.4	9.8	-3.1
Pekerja Pengeluaran & Berkaitan	2,228.0	2,581.7	36.2	38.7	3.0
<b>Jumlah</b>	<b>6,163.2</b>	<b>6,671.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>1.6</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Latihan Kepimpinan yang berobjektif untuk membentuk generasi belia yang dinamik dan berhemah tinggi seperti berdisiplin, bersikap positif dan beretika baik

telah dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Program ini juga disediakan kepada belia luar bandar termasuklah di dalam skim pembangunan tanah.

Dalam tempoh rancangan, pendekatan baru telah diguna pakai untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Program Rakan Muda serta memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi menanam semangat perpaduan dan patriotik di kalangan belia. Selain itu, belia digalakkan menyertai persatuan belia bagi membolehkan mereka terlibat dalam proses membuat keputusan.

- 1) Latihan Kemahiran pula disediakan bagi memenuhi permintaan mendapatkan pekerjaan dalam sektor pembuatan dan pembinaan, sektor perkhidmatan serta teknologi maklumat (ICT).
- 2) Pembangunan Keusahawanan dilaksanakan bagi memupuk potensi keusahawanan di kalangan belia dan untuk membolehkan mereka menyertai perniagaan secara aktif di samping menggalakkan mereka bekerja sendiri. Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan institusi latihan telah memikul tanggungjawab ini dengan menganjurkan latihan, seminar dan kursus serta menyediakan khidmat nasihat kepada usahawan muda dan baru. Di samping itu, peringkat institusi pengajian tinggi dan sekolah juga memainkan peranan.

#### **1.4 Prospek Dalam Pembangunan Belia, Tahun 2006 Hingga 2010 (RMK 9)**

Program pembangunan belia dalam tempoh RMK 9 akan memberi

penekanan kepada mengupayakan belia bagi membolehkan mereka lebih terlibat dalam membina nusa dan bangsa, memperkuuh perpaduan nasional dan integrasi sosial serta menjadi belia contoh dalam masyarakat. Teras strategik untuk pembangunan belia adalah seperti:

- 1) Mengupayakan belia untuk masa hadapan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan.
- 2) Meningkatkan penyertaan belia dalam organisasi belia.
- 3) Memupuk semangat persaingan di kalangan belia.
- 4) Memperkuuh rangka kerja perundangan program pembangunan belia.
- 5) Menggalak perpaduan negara dan integrasi sosial.

Oleh yang demikian, pelbagai program latihan kemahiran dan kepemimpinan yang bertujuan mengupayakan belia akan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga Kementerian Sumber Manusia. Sehubungan ini, sejumlah RM5.3 billion akan diperuntukkan di bawah RMK 9 dengan 75.1 peratus atau RM4.1 billion akan diperuntukkan untuk latihan kemahiran manakala 9.3 peratus atau RM509.5 billion akan diperuntukkan untuk latihan pengurusan.

Dalam tempoh rancangan, golongan belia dijangka meningkat pada kadar purata sebanyak 1.1 peratus setahun daripada 11.10 juta pada tahun 2005 kepada 11.65 juta pada tahun 2010 (Jadual 1). Bagi memenuhi permintaan ekonomi berasaskan pengetahuan dan mengambil kira peranan belia dalam pembangunan negara, mereka akan digalak untuk terus meningkatkan tahap pengetahuan serta

membina pemikiran dan sikap yang positif serta kepemimpinan dan kemahiran keusahawanan.

Program pembangunan belia dalam RMK 9 akan memberi tumpuan yang lebih kepada belia dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun. Dalam tempoh rancangan, mereka berpeluang untuk mendapat pendidikan dan latihan seperti latihan kepempimpinan dan keusahawanan serta program gaya hidup sihat yang mana satu usaha untuk meningkatkan peluang mendapat pekerjaan dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup mereka.

Kerajaan juga akan menggubal Akta Belia Negara untuk membantu dan menggalakkan penyertaan lebih ramai belia dalam persatuan belia di samping mewujudkan Institut Penyelidikan Belia Negara bagi menjalankan penyelidikan dalam enam bidang, iaitu memasyarakatkan belia, agama dan budaya, potensi belia dan integriti, belia berpesatuan, kepemimpinan dan kesukarelaan, belia dan penyelidikan serta belia dan kesedaran politik. Program-program ini akan melibatkan penyertaan aktif sektor swasta, NGO dan persatuan belia bagi melengkapkan usaha sektor awam dengan mensasarkan penyertaan belia pelbagai bangsa.

Melalui kursus kepemimpinan, keutamaan diberikan kepada kepentingan peranan belia dalam memupuk dan mendorong perpaduan kearah membina rakyat Malaysia yang bersatu padu bagi membendung polarisasi kaum di kalangan belia. Sehubungan ini, penglibatan sektor swasta digalak untuk menyumbang kepada latihan belia sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka.

Kerajaan juga menyediakan peluang pekerjaan yang baru kepada belia melalui kerjasama strategik dengan syarikat swasta dan entiti yang telah

diswastakan. Sesuai dengan objektifnya untuk mewujudkan komuniti belia perdagangan dan perindustrian, mereka akan dilatih dalam perniagaan serta menganjurkan seminar dan kursus mengenai kewangan dan pengurusan perniagaan terutamanya di kalangan siswazah yang baru tamat tempoh pengajian.

### **1.5 Pembangunan Belia Di dalam Pertanian**

Golongan belia boleh terlibat di dalam pelbagai sektor dan ini tidak terkecuali juga sektor pertanian. Sememangnya kita mengetahui bahawa penglibatan belia di dalam sektor pertanian semakin berkurang. Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini, perancangan program yang rapi dan mantap untuk melibatkan belia di dalam pertanian perlu dirangka. Sebagai contoh, program pendidikan dan pembangunan beliatani berikut boleh dirangka dan digunakan seperti:

- 1) Program Melahirkan Beliatani Sebagai Pelapis yang Berkemahiran:  
Sebagai usaha menggalakkan aktiviti pertanian di kalangan belia di kawasan luar bandar, selain tunjukajar kepada belia melalui aktiviti harian pengembangan oleh pihak agensi, perlaksanaan kursus dan latihan, pemberian status professional atau pekerja mahir pertanian kepada belia dan berbagai bantuan lagi akan membantu melahirkan pelapis yang berwibawa dan cemerlang.
- 2) Program Penganjuran Kursus: Berbagai kursus yang mempunyai nilai-nilai untuk menaruh minat belia terhadap pertanian perlu dianjurkan khas untuk para belia. Mereka yang pastinya akan memikul tugas menerima

teknologi pertanian terkini seharusnya dapat diterapkan dengan pengetahuan dari segi pengeluaran dan pengurusan melalui kursus-kursus yang diikuti. Selain itu kursus-kursus seperti menggalakkan belia berkerja di dalam kumpulan dan sebagainya juga perlu diberi penekanan. Apa yang penting kursus ini akan mengambil kira setiap peringkat perkembangan diri belia-belia ini.

- 3) Program Praktikal Pelajar-pelajar Sekolah Menengah: Dengan memilih target yang sangat berminat untuk menceburi pertanian di masa hadapan daripada kalangan pelajar sekolah menengah, satu aktiviti boleh diatur bagi meningkatkan kefahaman mereka mengenai bidang pertanian dan juga untuk mempertingkatkan keinginan mereka untuk menjadi pelapis pertanian melalui program praktikal di pusat-pusat pertanian semasa musim cuti sekolah.
- 4) Program Kelas Pembelajaran Mengenai Pengurusan Ladang dan Kemahiran Hidup Sebagai Petani: Untuk meningkatkan kebolehan secara total belia yang sudah terlibat di dalam pertanian bagi aspek pengurusan pertanian dan kemahiran hidup sebagai petani, golongan belia ini boleh mengikuti kelas-kelas secara berperingkat dan secara separuh masa yang dianjurkan oleh pihak agensi pertanian dan lain-lain lagi.

Selain itu, menjadi tanggungjawab semua untuk mendidik beliatani yang telah berkecimpung di dalam pertanian agar menjadi tenaga pengajar pertanian tidak

formal. Pihak agensi boleh menggunakan beliatani ini sebagai saluran mendapat dan menyalurkan maklumat mengenai pertanian mereka untuk berbagai tujuan.

Sokongan melalui program atau rancangan juga perlu diberikan kepada para belia yang pada satu masa telah berkhidmat atau bekerja di dalam bidang selain pertanian yang berminat (konsep yang dikenali sebagai I-Turner) untuk menyertai pertanian tetapi kekurangan informasi, latihan, modal dan kepakaran. Sokongan seperti dapat menggalakkan lebih ramai lagi belia untuk bekerja di sektor pertanian.

Untuk memberi pendidikan kepada beliatani, pihak agensi yang terlibat perlulah menyediakan tenaga pelatih dari kalangan pegawai pengembangan yang terlatih dan berkelayakan.

Walaubagaimanapun untuk mempertingkatkan kebolehan pelatih-pelatih ini, kursus dan latihan perlu diberikan terlebih dahulu kepada mereka untuk memastikan mereka mengetahui banyak pengetahuan dan teknologi terkini di dalam pertanian, mengetahui mengenai kaedah pengendalian ladang yang baik, mendapat pengetahuan tentang amalan ladang dengan lebih luas dan lain-lain lagi.

Di dalam RMK9, program Pembangunan Belia Tani diperkenalkan bagi menggalak dan menarik minat lebih ramai belia melaksanakan projek dalam sektor pertanian yang mana mereka akan diberi latihan dan khidmat nasihat untuk melaksanakan aktiviti perdagangan berasaskan pertanian. Perlaksanaan program ini meliputi penubuhan perniagaan berasaskan pertanian dan menggalakkan penggunaan teknologi moden seterusnya mewujudkan generasi petani muda yang baru dan moden.

Senarai pendidikan rasmi anjuran agensi pembangunan Malaysia untuk beliatani

ditunjukkan dengan lebih jelas dalam Lampiran 1.

## **1.6 Kepentingan Pengembangan dan Pendidikan Beliatani**

Dasar Pertanian Negara (1992-2010) dikeluarkan bertujuan untuk menjadi halatuju bagi mencapai pembangunan seimbang antara sektor pertanian dan pembuatan, peningkatan integrasi sektor pertanian dengan sektor-sektor lain dan pembangunan industri makanan pada tahap yang lebih tinggi dan menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, pelbagai strategi telah dibentuk oleh kerajaan seperti pemesatan pembangunan industri berdasarkan pertanian, penyelidikan dan pembangunan, peranan utama sektor swasta dan pembentukan semula pasaran.

Sasaran utama kerajaan adalah belia tani yang mana dikategorikan sebagai petani yang muda yang terlibat di dalam sebarang aktiviti pertanian. Namun begitu, jumlah golongan belia yang terlibat di dalam pertanian amatlah kurang berikutan perkembangan pesat di dalam sektor seperti perindustrian yang memerlukan tenaga kerja di samping pandangan dan pendapat para belia terhadap sektor pertanian ini.

Antaranya mereka berpendapat pendapatannya kurang lumayan berbanding sektor lain, penat dan meletihkan bekerja di ladang, ramai belia luar bandar yang menyenangi kehidupan di bandar, kelulusan mereka hanya untuk sektor lain di samping kurangnya pendedahan kepada sektor pertanian terutamanya belia dari kawasan bandar dan belia yang bukan dari keluarga petani.

Namun begitu, sokongan keluarga dan masyarakat juga penting yang mana mereka menganggap pekerjaan dalam pertanian ini kurang dibanggakan dan

dipandang rendah.

Oleh yang demikian, kerajaan dengan polisi DPN tersebut menegaskan bahawa pengembangan adalah salah satu faktor penyumbang kepada pembangunan pertanian kini. Usaha pengembangan pada dasarnya berasaskan konsep untuk membantu masyarakat memperbaiki taraf kehidupannya sendiri melalui proses tidak formal (*Maimunah Ismail, 1999*).

Secara amnya, pengembangan boleh disifatkan sebagai satu sistem pendidikan tidak formal. Tujuannya adalah memberi bimbingan kepada masyarakat luar bandar tentang bagaimana memperbaiki taraf kehidupan mereka melalui usaha sendiri dengan penggunaan sepenuhnya sumber alam yang terdapat di sekeliling mereka ke arah usaha perladangan dan pengurusan rumahtangga yang sempurna untuk faedah individu, keluarga, masyarakat dan negara (*Bradfield, 1971*).

Mengikut Dasar Pertanian Negara, pengembangan merupakan sebahagian daripada strategi di bawah perkhidmatan sokongan pertanian. Oleh kerana pembangunan sektor pertanian tidak dapat dipisahkan daripada pembangunan luar bandar, sebarang perubahan dalam sektor luar bandar memberi implikasi penting tehadap fungsi pengembangan. Ini kerana pengembangan mempunyai kedudukan penting dalam pendidikan bukan formal khususnya untuk masyarakat luar bandar selaras dengan matlamat pengembangan iaitu membimbing, menasihati, menunjukajar masyarakat supaya berada di tahap kemahiran yang lebih tinggi.

Pengembangan dan cirinya sebagai pendidikan tidak formal secara langsung menerapi konsep pendidikan seumur hidup, suatu pendidikan yang tidak mempunyai batasan yang terhad bagi golongan penerima yang akan dididik dan

dibangunkan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan kini mensasarkan pembangunan dan pengembangan pendidikan di kalangan belia-belia khususnya belia luar bandar yang lebih sinonim dengan belia tani. Program pembangunan belia adalah amat penting untuk pembangunan ekonomi negara.

Oleh itu, kerajaan telah memberi penumpuan kepada pembangunan modal insan seterusnya melahirkan belia-belia tani yang mampan dan mampu berdiri sendiri. Kerajaan telah membelanjakan dan memperuntukkan banyak modal untuk menjayakan misi ini.

Sejumlah RM5.3 billion diperuntukkan di bawah RMK9. Daripada jumlah ini, 75.1 peratus atau RM4.1 billion akan diperuntukkan untuk latihan kemahiran manakala 9.3 peratus atau RM509.5 juta akan diperuntukkan untuk latihan pengurusan (Rujuk Jadual 6).

Banyak kejayaan yang dicapai oleh belia tani hari ini dengan menyertai pelbagai program yang dianjurkan oleh kerajaan. Sebagai contoh, Program Pembangunan Belia dan Usahawan Tani yang mana bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan belia tani yang mengusahakan projek berskala besar dan mensasarkan graduan universiti. Kejayaan ini adalah satu contoh peranan pengembangan dalam pendidikan belia tani.

Jadual 6: Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan Untuk Program Pembangunan Belia, Tahun 2001-2010 (RM juta)

<b>Program</b>	<b>RMK 8 Perbelanjaan</b>	<b>RMK 9 Peruntukan</b>
Latihan Kepimpinan	63.5	115.5
Latihan Kemahiran	3,930.6	4,103.6
Latihan Perniagaan	158.6	179.5
Latihan Pengurusan	361.7	509.5
Pembangunan Keusahawanan	40.1	20.0
Rakan Muda	304.5	334.0
Pencegahan dan Pemulihian	96.7	199.4
<b>Jumlah</b>	<b>4,955.7</b>	<b>5,461.5</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## 2. Permasalahan Kajian

Tumpuan penuh yang diberikan kerajaan kepada sektor pertanian pada masa sekarang menjadi petanda bahawa kerajaan begitu serius dan mengharapkan kemajuan yang boleh dibawa oleh sektor ini kepada negara. Walaubagaimanapun kemajuan ini bergantung kepada banyak faktor termasuklah peranan yang perlu dimainkan oleh mereka yang menjadi penggerak pertanian itu sendiri iaitu petani, usahawan, beliatani, agensi dan sebagainya.

Bagi mencapai matlamat seperti yang diharapkan oleh negara, golongan beliatanilah yang paling diharapkan untuk menjadi penggerak dan peneraju. Golongan beliatani yang produktif, kreatif, imaginatif serta mempunyai daya saing tinggi amat diharapkan di dalam komuniti tani negara Malaysia. Semenjak bidang pertanian diberi tumpuan dan menjadi topik hangat yang diperbincangkan, bagaimana pula pandangan dan penerimaan golongan belia terhadap pertanian? Di dalam senario di mana belia amat kurang untuk melibatkan diri di dalam pertanian sekarang ini, apakah usaha yang dilakukan terutamanya untuk menarik minat

mereka. Adakah golongan belia akan mengambil semua peluang yang disediakan khususnya untuk mengikuti pendidikan pertanian kerana mempercayai bahawa pemberian pendidikan di dalam bidang pertanian sekurang-kurangnya akan menarik minat belia untuk menceburkan diri di dalam pertanian sebagai pekerjaan mereka?.

Tetapi hakikatnya, walaupun banyak program dan rancangan pendidikan beliatani dianjurkan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan namun jumlah penyertaan belia masih tidak menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Penyertaan belia untuk menerima pendidikan pertanian yang dirancang oleh pihak bertanggungjawab sebenarnya bergantung kepada banyak faktor. Antaranya persepsi atau imej terhadap bidang pertanian, pengetahuan dan keterbukaan minda mereka terhadap maklumat berkaitan program pendidikan pertanian, kurikulum dan isi kandungan program itu sendiri dan lain-lain lagi.

Persepsi dan imej positif golongan belia terhadap bidang pertanian menjadi petanda mengenai bagaimana mereka menerima dan melihat bidang pertanian itu sendiri. Begitulah sebaliknya jika mereka melihat pertanian itu dengan persepsi yang negatif. Adakah benar jika belia melihat pertanian dengan persepsi positif, mereka menerima pertanian sebagai bidang yang patut diceburi dan jika mereka melihat pertanian dari sudut negatif, adakah mereka menolak sebulat-bulatnya bidang pertanian. Adakah dengan persepsi dari kedua sudut ini menjadi penggalak atau penghalang kepada mereka untuk menceburkan diri di dalam bidang pertanian.

Minat adalah antara faktor pendorong kepada belia untuk memilih bidang pertanian. Minat boleh terpupuk sekiranya pendedahan kepada pengetahuan mengenai pertanian diberikan semenjak dari peringkat kecil. Tetapi hakikatnya,

adakah golongan belia khususnya belia peringkat permulaan mengetahui kewujudan program pendidikan yang boleh diikuti oleh mereka dan banyak lagi peluang yang diberi kepada mereka. Adakah usaha kerajaan mencukupi dengan membuka hanya program-program pendidikan pertanian sedia ada sekarang ini sahaja.

Pandangan belia secara menyeluruh mengenai pertanian juga amat penting kerana sekurang-kurangnya golongan belia tahu menilai dan memberi kedudukan terhadap sumbangan dan kepentingan sektor pertanian kepada kemajuan negara. Bagaimana pula mereka mahu pekerjaan sebagai pengusaha pertanian dilihat. Adakah belia mahu bidang pekerjaan di dalam pertanian perlu dianggap sebagai satu profesi yang professional dan memerlukan kepakaran tinggi, tinggi daya keusahawanan dan sebagainya?

Belia hari ini mungkin memandang pertanian itu sebagai satu cara hidup, satu kepuasan, satu budaya tradisi atau sebagainya. Oleh itu jawapan kepada setiap pertanyaan di atas boleh menjadi satu petunjuk atau indikator kepada setiap perancangan di dalam program pembangunan belia di dalam pertanian.

### **3. Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui status terkini mengenai pandangan, keperluan dan persediaan belia untuk menceburkan diri di dalam sektor pertanian. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti:

- 1) Persepsi belia-belia terhadap pertanian.
- 2) Faktor-faktor yang menghalang belia terlibat dalam sektor pertanian.

- 3) Keperluan dan kesediaan para belia terhadap program pendidikan pertanian yang dianjurkan oleh kerajaan maupun swasta.
- 4) Pendapat belia secara keseluruhan mengenai pertanian di dalam sumbangan sektor ini kepada kemajuan negara.

#### **4. Signifikasi Kajian**

Hasil kajian yang akan diperolehi diharap dapat memberi cadangan beras kepada pihak pembuat dasar terutamanya pihak agensi pengembangan di dalam usaha untuk menggalakkan lebih ramai belia menceburkan diri dalam pertanian. Kaedah-kaedah yang sesuai juga akan dicadangkan untuk digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat sebagai program dan tindakan di dalam agenda mereka untuk mendidik belia tani sebagai pelapis pertanian generasi akan datang.

#### **5. Limitasi dan Skop Kajian**

Kajian ini mempunyai limitasi dan skop yang tersendiri. Ianya hanya ditumpukan kepada beberapa pihak sahaja iaitu responden yang sedang mengikuti pengajian di dalam beberapa program pengajian yang berkaitan dengan pertanian. Responden dipilih dari beberapa kawasan terpilih terutamanya di negeri Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Kedah. Responden juga terdiri daripada kalangan usahawantani yang sedang berkecimpung di dalam pertanian dan belia yang tidak terlibat di dalam pertanian. Kajian hanya difokuskan kepada perkara-perkara berkaitan untuk mengetahui persepsi dan imej belia terhadap pertanian.

## Bab 2 Sorotan Karya

Model pembangunan dan pertumbuhan ekonomi mempunyai teori bahawa pembangunan merupakan satu siri proses perubahan daripada satu tahap ke tahap yang lebih tinggi secara *unilinear*. (Maimunah Ismail, 1999)<sup>1</sup>. Teori ini juga menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi merupakan satu syarat untuk sesebuah negara membangun kerana melalui pelaburan yang tinggi dalam perindustrian dan perbandaran dapat mengukuhkan ekonominya.

Salah satu indikator untuk pembangunan ialah melalui pendidikan. Di sini diterangkan konsep bahawa ilmu adalah kuasa untuk kemajuan iaitu tiada ilmu umpama berada dalam serba kekurangan (Maimunah Ismail, 1999). Walaubagaimanapun, pembangunan dan pendidikan adalah selari dengan pembangunan belia. Belia merupakan satu aset yang amat penting dalam pembangunan sesebuah ekonomi. Mereka melambangkan dan mencerminkan kepercayaan, nilai dan idea golongan ibubapa seterusnya bertindak sebagai pencapai cita-cita, impian dan aspirasi untuk masa hadapan. Pada masa yang sama juga, belia hari ini mencetuskan dan membawa perspektif baru kepada budaya kita (Edginton, Christopher R, 2005)<sup>2</sup>.

Namun begitu, dengan isu dan pelbagai cabaran pada hari ini yang terpaksa dihadapi oleh para belia, perlunya pihak terlibat merancangkan pembangunan belia. Pembangunan belia pada amnya ialah satu proses mental, fizikal, sosial dan perkembangan emosi dalam masa para belia bersedia untuk hidup dalam keadaan yang produktif dan memuaskan di dalam sesebuah komuniti masyarakat.

Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada pembangunan belia tani. Belia tani adalah generasi harapan negara bagi membangunkan sektor pertanian dengan menggunakan sumber-sumber yang ada. Pelbagai sorotan karya menyatakan kepentingan belia tani dan pembangunannya bagi pembangunan ekonomi negara.

Kajian-kajian berkaitan dengan pendidikan dan beliatani ini banyak dijalankan oleh Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO). Pelbagai kajian dan kertas kerja yang dibentangkan bagi tujuan pembangunan belia di dalam pertanian. Antaranya ialah kajian oleh Srisak Thaiarry, (1997)<sup>3</sup> yang mengkaji program pembangunan belia di Thailand. Kajian ini menggariskan beberapa kualiti yang perlu ada pada belia Thailand, antaranya ialah:

- 1) Mempunyai hubungan keluarga yang sihat,
- 2) Mempunyai fizikal dan mental yang sihat, pembangunan kendiri yang seimbang dengan umur, personaliti yang bagus, hormat diri dan keyakinan diri,
- 3) Kesedaran budaya dan pemahaman tingkah laku agama, kehidupan dan nilai-nilai setempat,
- 4) Kemahiran komunikasi (kepelbagaian), pengetahuan dan pemahaman tentang sistem maklumat terkini dan kegunaannya di dalam konteks budaya Thai,
- 5) Kesetiaan dalam demokrasi dan kesanggupan untuk berkorban diri untuk kebaikan bersama,
- 6) Pemahaman tentang tugas, hak dan undang-undang Thai berkaitan dengan kehidupan harian seterusnya menghormati hak-hak orang lain,

- 7) Kehidupan yang mudah, tahu tanggungjawab sosial dan pengurusan yang bagus,
- 8) Tahu tanggungjawab kepada alam sekitar, sumber semulajadi dan pembangunan mampan,
- 9) Berkebolehan untuk peningkatan konsep dan pembangunan diri.

Hasil daripada garis panduan ini, pelbagai program telah dirancangkan untuk pembangunan belia di Thailand. Antara program yang dilaksanakan ialah:

- 1) Pembangunan fizikal dan kesihatan mental
- 2) Pengkayaan agama, moral, etika, budaya dan identiti negara
- 3) Pembangunan intelektual dan kemahiran serta
- 4) Persediaan untuk ekonomi moden dan pelbagai program pembangunan lain.

R.William Seiders, (1998)<sup>4</sup> pula membentangkan hasil kajiannya terhadap projek yang dilakukan ke atas beberapa buah negara seperti Zimbabwe, Peru, Bolivia dan Thailand. Dalam pembentangannya itu dinyatakan bahawa material untuk pendidikan kurikulum bagi penduduk luar bandar lepasan sekolah adalah efektif melalui latihan dengan syarat seperti:

- 1) Institusi tempatan terlibat sama di dalam merancang aktiviti,
- 2) Organisasi terlibat pula perlu mempunyai kelebihan teknikal untuk menyediakan dan menjalankan program-program latihan tersebut,
- 3) Sumber-sumber yang *sufficient* perlu sentiasa bersedia untuk latihan,
- 4) Kurikulum pendidikan adalah berdasarkan keperluan belia lelaki dan wanita,

- 5) Pendidikan populasi yang dijalankan perlulah bersetujuan dan mengambarkan agro-ecological dan keadaan sosio-budaya sesuatu tempat itu,
- 6) Juga perlu disediakan institusi yang berkebolehan untuk menilai dan mengadaptasi keperluan keadaan setempat (keperluan atau minat) untuk belia yang tinggal di luar bandar.

Namun begitu, R. William Seiders, (1998) menegaskan bahawa cara yang paling efektif dalam pendidikan populasi ini adalah kurikulumnya perlulah melingkupi pelbagai bidang seperti pertanian, pekerjaan, pendapatan, nutrisi dan kesihatan. Manakala aktiviti dan program yang dirancangkan pula perlulah dibangunkan dengan kemahiran kehidupan (*life skills*) bagi membantu belia luar bandar menjadi lebih produktif dan berjasa kepada negara mereka.

Beliau dengan kerjasama FAO telah menyarankan beberapa cadangan bagi permasalahan ini seperti:

- 1) Metodologi yang digunakan untuk projek perlulah pelbagai dan digunakan dengan menggunakan pelbagai pendekatan,
- 2) Perhatian yang lebih diberikan kepada institusi jangka panjang untuk program-program yang mensasarkan belia luar bandar lepasan sekolah,
- 3) Keperluan dan persekitaran perlulah dipertimbangkan dalam usaha mengadaptasi bahan-bahan kurikulum untuk keperluan tempatan,
- 4) Bahan kurikulum itu juga perlu dicipta berdasarkan julat umur: kanak-kanak, remaja dan dewasa.

- 5) Perhatian juga perlu diberikan kepada sukarelawan yang mana ketua pemimpin perlulah memberi tunjuk ajar yang sepatutnya kepada mereka bagi menjalankan tugas dan latihan perlu diberikan.
- 6) Sokongan perlu diberikan untuk menilai dan melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut.
- 7) Kurikulum yang digunakan oleh pemimpin dengan kumpulan belia perlulah dibina bersesuaian dengan keadaan setempat dengan input dari pakar, belia profesional, ketua sukarelawan dan belia itu sendiri,
- 8) Bekerjasama dengan agensi lain yang bersesuaian dengan konsep aktiviti,
- 9) Sesetengah negara perlu menekankan kepada golongan buta huruf dan menekankan kepada isu jantina dan kesihatan.

Sebagai kesimpulannya, pembelajaran untuk belia luar bandar lepasan sekolah lebih efektif jika diperkayakan dengan penggunaan pelbagai strategi disertai dengan pembangunan kurikulum. Pendekatan baru perlu dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip dan konsep kepada pembangunan belia.

Dalam kajian kes yang lain pula melaporkan latihan terbaik yang dilakukan oleh tiga organisasi di Asia iaitu Jepun, Filipina dan Thailand untuk Pendidikan dan Latihan Belia luar Bandar<sup>5</sup>. Hasil kajian mendapati bahawa:

- 1) Thailand menganjurkan Kelab Thanat Samakhee yang mana menyediakan peluang kepada belia memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian dan ekonomi rumahtangga. Mereka menjalankan projek seperti sayur-sayuran, pokok buah-

buah dan tanaman komoditi yang membolehkan para belia menambahkan pendapatan mereka dan keluarga serta memberi peluang kepada mereka meneruskan pekerjaan dalam bidang pertanian,

- 2) Filipina pula menubuhkan Tuga 4-H kelab yang telah menganjurkan pelbagai program dalam bidang pertanian dan penternakan kepada para belia mereka sama ada lepasan sekolah tinggi mahupun pelajar kolej.
- 3) Jepun menyediakan pendidikan pertanian di dalam kurikum pembelajaran mereka di peringkat sekolah menengah, kolej dan juga universiti. Program ini kebanyakannya ditadbir di bawah Rural Youth Education Development Association (RYEDA).

Kajian mendapati bahawa faktor-faktor yang mendorong kepada kejayaan latihan belia luar bandar adalah:

- 1) Kumpulan sasaran untuk pembangunan latihan dipilih berdasarkan kepada keperluan ahli dan kumpulan melalui pembuatan keputusan bersama.
- 2) Latihan yang diberikan menggunakan kaedah “pembelajaran melalui praktikal” iaitu dengan berkongsi pengetahuan dan kemahiran di kalangan peserta.
- 3) Ahli-ahli kelab juga menerima latihan dalam kerja melalui pendapatan kumpulan yang diperolehi hasil daripada aktiviti-aktiviti yang dilakukan.

Hasil dari pengalaman dan latihan yang dilakukan oleh ketiga-tiga negara tersebut, pengajaran yang dapat kita simpulkan secara keseluruhannya ialah:

- 1) Menyediakan atau mengekalkan peluang kepada belia luar bandar adalah penting.
- 2) Pendidikan dan program-program latihan mestilah memenuhi keperluan dan realiti kehidupan komuniti belia luar bandar dan belia tani.
- 3) Keutamaan adalah koordinasi dan memperkuatkan jaringan serta perhubungan dengan agensi-agensi kerajaan maupun swasta.
- 4) Kebolehan kendiri ahli kumpulan untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.
- 5) Pendidikan yang efektif dan pendekatan latihan yang sesuai adalah amat perlu dan penting.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa cara yang paling efektif adalah dengan menyediakan latihan pertanian kepada belia tani masa hadapan dan pekerja pengembangan. Oleh itu, dengan sokongan dan bantuan dari agensi yang berkaitan, pembangunan pertanian dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi di seluruh negara membangun.

Kajian ini mensasarkan belia di dalam program 4-H Youth Development Education<sup>6</sup>. Hasil kajian ini termasuklah untuk membolehkan golongan profesional mereka, melaksana dan seterusnya menilai aktiviti pendidikan tidak formal yang boleh dibangunkan sebagai latihan kehidupan (*life skills*). Latihan kehidupan ini

termasuklah kaedah-kaedah pembelajaran dan menilai pengetahuan yang diperolehi dengan menambah nilai-nilai ke arah pembelajaran yang berterusan.

Kertas kajian ini menekankan pembangunan belia di kalangan negara membangun. Hasil daripadanya didapati bahawa para belia menghadapi tekanan daripada pelbagai sumber seperti buta huruf, keperluan untuk menyumbangkan pendapatan, eksplotasi seksual, penyakit kelamin dan keganasan. Hal ini menyebabkan mereka beralih kepada alkohol dan keganasan. Transaksi daripada traditional kepada gaya hidup bandar juga menyebabkan belia luar bandar hilang pegangan yang diajarkan oleh ibubapa mereka.

Oleh yang demikian, program untuk pembangunan belia luar bandar bukan sahaja bersandarkan kepada penyelidikan dan pengetahuan tentang bagaimana meningkatkan kualiti pertanian tetapi juga kemahiran kehidupan yang sememangnya amat berguna bagi mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik di masa hadapan. Jadi, mereka memerlukan tenaga belia yang berkemahiran dan berkebolehan dalam menyempurnakan matlamat tersebut yang mana pendekatan mereka lebih senang diterima. Komuniti ini memerlukan penglibatan warga tempatan bagi menangani isu belia ini. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa:

- 1) Program untuk belia luar bandar perlulah dikelolakan oleh pekerja yang memahami dan boleh mengadaptasi penyelidikan tentang pembangunan manusia kepada mereka yang bekerja dengan belia dan dewasa.
- 2) Mereka juga memerlukan kemahiran dalam pembelajaran dan pengajaran agar dapat mengajar dengan berkesan seterusnya dapat

menyediakan program yang sesuai kepada golongan belia.

- 3) Tenaga pengajar juga boleh membina organisasi dalaman untuk memperolehi dan menguruskan sumber, pasaran, menjayakan program serta melibatkan orang ramai dalam perancangan dan menjayakannya.

Kesimpulannya, untuk pembangunan dan proses pembelajaran belia ini, tenaga pengajar juga memainkan peranannya di samping program-program dan latihan yang efektif.

Secara keseluruhannya untuk pembangunan belia, “4-H Professional Research Knowledge” menyarankan pembangunan kognitif, pembangunan sosial, resiliensi teori dan praktikal, pembangunan fizikal, emosi dan juga pembangunan falsafah belia.

Situasi, keperluan dan minat belia kini telah diuraikan dengan terperinci lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Apichai Chingprapa, Thotsaporn Maneeratana dan Widjatmiko Dirdjosubroto, (1997)<sup>7</sup> yang mana telah menjalankan kajian ke atas belia Thailand. Mereka mendapati bahawa kebanyakan belia luar bandar tidak meneruskan pengajian kerana kemiskinan dan keperluan mereka untuk menolong keluarga di ladang serta di rumah. Namun begitu, selepas menamatkan pengajian belia berhadapan dengan pilihan kerja yang mana samada mereka bekerja dengan keluarga di ladang, mengusahakan ladang kepunyaan sendiri, kerja di luar pertanian seperti kilang dan sektor pembinaan ataupun mereka berhijrah ke bandar.

Kajian ini juga mendapati bahawa belia Thailand berhadapan dengan banyak cabaran sosial dan ekonomi. Antaranya seperti:

- 1) Ketidakpastian di dalam aktiviti ladang serta mereka tidak berminat dalam bidang pertanian kerana pendapatan yang rendah dan suatu pekerjaan yang susah.
- 2) Berkurangnya tanah-tanah ladang untuk diusahakan kerana tuan punya tanah lebih berminat untuk menjual tanah kepada pihak pemaju bagi tujuan pembangunan lain.
- 3) Kurang peluang untuk mendapatkan pendidikan formal terutama belia dari keluarga tani (luar bandar).
- 4) Pendapatan yang berbeza, iaitu pendapatan penduduk di Bangkok dan kawasan Selatan Thailand berbeza kerana kedudukan geografinya.
- 5) Kepupusan sumber-sumber asli seperti hutan, kawasan pertanian kerana penduduk yang tidak mempunyai tanah ladang serta tidak mendapat kerja di bandar cenderung melakukan kegiatan haram terutama di hutan seperti menebang pokok secara haram yang menyebabkan pelbagai kerosakan seperti banjir kilat, kemarau, tanah kurang subur dan sebagainya.
- 6) Ketidaksamaan sumber dan penempatan kemudahan. Kerajaan lebih mengutamakan kawasan bandar berbanding kawasan luar bandar dari segi penyediaan kemudahan untuk rakyat yang menyebabkan timbulnya jurang antara mereka.

Namun begitu, terdapat pelbagai peluang yang boleh direbut oleh para belia ini dengan peluang yang diberikan oleh kerajaan bagi pembangunan belia luar bandar seperti:

- 1) Permodenan dan kecekapan teknologi ladang. Kerajaan menyediakan teknologi ladang yang bersesuaian dengan penduduk luar bagi meningkatkan kecekapan operasi ladang dan *comparative advantage* dengan pengurangan kos dan masa untuk pengeluaran seterusnya menjadikan kerja lebih mudah dan selesa untuk petani. Dengan kemudahan mesin ladang yang disediakan, diharapkan belia lebih berminat untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian.
- 2) Integrasi antara kerja ladang dan kerja luar ladang. Tidak semua petani hanya melakukan kerja ladang sahaja kerana kerja luar ladang juga penting untuk jaminan pendapatan yang lebih baik. Mereka boleh terlibat dalam bidang pemprosesan makanan dan juga kraftangan berorientasikan pertanian bagi memenuhi pasaran.
- 3) Peluang pekerjaan di kawasan luar bandar. Kerajaan telah menyediakan peluang pekerjaan dengan pembangunan projek-projek di kawasan tertentu yang membolehkan para belia bekerja dan menetap di luar bandar.
- 4) Penyertaan pemimpin belia dalam insitusi pertanian.

## **Bab 3 Metodologi Kajian**

### **1. Konsep Kajian**

Untuk memberi panduan kepada penyelidikan, satu konsep kajian telah ditetapkan seperti yang disenaraikan di bawah. Belia di dalam kajian ini dikategorikan mengikut peringkat iaitu peringkat awal, peringkat pertengahan dan peringkat akhir mengikut tahap pengetahuan mengenai pertanian dan juga pengalaman pembabitan dalam bidang pertanian. Di dalam kajian ini juga, pengkaji beranggapan bahawa kategori, peringkat belia yang berbeza dan pembabitan secara terus atau tidak di dalam pertanian akan memberi jawapan dan pendapat yang berbeza yang mana ini akan memberi satu hasil penyelidikan atau panduan yang baik mengenai belia dan program pendidikan pertanian.

#### **1) Persepsi Pertanian Oleh Belia Dari Sudut Positif Dan Negatif**

Adalah perlu untuk mengetahui bagaimana belia berpandangan mengenai pertanian. Pandangan atau apa yang digambarkan oleh belia mengenai pertanian atau pekerjaan di dalam pertanian ini boleh dibahagi kepada dua segi atau sudut iaitu positif dan negatif. Pandangan positif atau negatif yang paling ketara dilihat oleh belia itu akan memberi jawapan untuk status terkini mengenai imej atau pandangan belia terhadap pertanian secara umum. Pandangan atau imej positif mengenai pertanian adalah seperti pertanian adalah pekerjaan yang menjanjikan keuntungan lumayan, pertanian adalah

sektor yang bagus dan berpotensi untuk maju, pertanian adalah pekerjaan yang seharusnya diterajui oleh belia demi kemajuan masa hadapan sektor pertanian. Pandangan atau imej negatif mengenai pertanian adalah seperti bidang pertanian adalah bidang yang banyak risiko, pertanian adalah pekerjaan yang tidak berstatus tinggi, tidak glamor dan dipandang rendah, pekerjaan yang tidak menyeronokkan dan memenatkan.

## 2) Syarat-syarat Penyertaan Belia Dalam Pertanian

Belia adalah golongan penggerak kepada sesuatu sektor. Penyertaan belia di dalam pertanian atau pemilihan petani sebagai kerjaya mungkin bersyarat yang mana ia boleh mempengaruhi kerelaan dan kemahuan mereka. Oleh itu, syarat-syarat yang bagaimanakah yang diletakkan oleh belia sekiranya mereka mahu menceburi bidang ini perlu diketahui. Syarat-syarat penyertaan itu adalah seperti perlu mempunyai minat dan kesungguhan yang tinggi, mendapat latihan dan kursus yang bersesuaian untuk sesuatu bidang usaha pertanian, kemudahan bantuan modal dan khidmat yang berterusan dari pelbagai pihak.

## 3) Faktor Penghalang Kepada Penglibatan Belia Di dalam Pertanian

Anggapan bahawa kekurangan belia yang terlibat di dalam pertanian adalah disebabkan oleh pelbagai faktor penghalang. Oleh itu dengan mengetahui faktor penghalang mengikut keutamaan, jawapan kepada masalah penyertaan belia dapat dianggarkan. Perlu juga diketahui samada jika tiada faktor penghalang dan segala syarat yang diletakkan dipenuhi, apakah belia tetap

akan menceburi bidang pertanian atau tidak. Jawapan kepada persoalan ini akan menunjukkan bahawa golongan belia berminat langsung atau tidak untuk menyertai bidang pertanian. Faktor-faktor penghalang adalah seperti ketiadaan modal, karenah birokrasi dalam pengurusan berkaitan pertanian, ketiadaan ilmu pengetahuan pengetahuan dari segi teknikal dan pengurusan, ketiadaan minat dan kesungguhan dalam diri sendiri.

#### 4) Program Pendidikan Pertanian

Untuk meningkatkan minat, pengetahuan dan penyertaan di dalam pertanian, penawaran satu program pendidikan pertanian yang mantap dan terancang perlu dilaksanakan. Adakah belia hari ini mengetahui kewujudan program-program pendidikan pertanian yang dituju khas kepada mereka. Jika mereka tidak mengetahuinya bermakna penyampaian maklumat mengenai perkara ini tidak sampai atau tidak berkesan. Kemungkinan jika belia mengetahui kewujudan program pendidikan pertanian ataupun peluang pendidikan pertanian yang dibuka dengan luas untuk disertai maka belia tidak teragak-agak untuk menyertainya.

Anggapan bahawa jika belia mengikuti pendidikan pertanian secara formal akan meningkat jumlah penyertaan mereka di dalam sektor pertanian. Maka, pengetahuan pertanian yang dipupuk sedari kecil juga dianggap boleh membantu kepada minat belia untuk menceburi bidang ini di masa hadapan. Contoh program pendidikan adalah seperti program Institut Pertanian, program sains pertanian di Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional, program Kolej

Pertanian.

5) Peranan dan Kedudukan Belia Di dalam Pembangunan Pertanian

Belia yang terlibat di dalam pertanian juga perlu diambilkira sebagai penyumbang kepada pembangunan pertanian. Oleh itu pandangan belia mengenai bagaimana mereka boleh berperanan di dalam hal ini akan memaparkan harapan belia itu sendiri terhadap diri mereka. Sikap, kebolehan dan peranan yang harus dimainkan oleh belia di dalam pembangunan pertanian adalah seperti belia harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi untuk mengendalikan ladang dengan cekap, belia harus bersikap berani mengambil risiko, proaktif, pandai mengambil peluang dan tidak cepat putus asa, belia harus mempunyai sifat keterbukaan di dalam menerima pengetahuan dan teknologi yang disalurkan.

6) Kepentingan Pertanian Kepada Pembangunan Negara

Untuk menjadikan sektor pertanian maju ke hadapan, penggerak utamanya adalah golongan belia. Oleh itu, bagaimana belia meletakkan pertanian pada kedudukan sekarang di dalam sumbangannya sektor ini kepada ekonomi negara perlu diketahui dan jika belia adalah golongan yang prihatin, peka dan mempunyai tanggungjawab sosial maka belia sepatutnya akan meletakkan sektor pertanian pada kedudukan yang teratas setanding dengan sektor lain di dalam sumbangannya kepada pembangunan negara. Pandangan belia terhadap kepentingan dan peranan sektor pertanian kepada negara adalah seperti

sektor pertanian juga adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara, sektor pertanian menjamin keselamatan negara, pertanian adalah penyumbang pekerjaan kepada rakyat.

## **2. Lokasi Dan Responden**

Lokasi responden adalah dari seluruh Malaysia yang sedang mengikuti program pendidikan pertanian di beberapa kawasan yang dipilih iaitu negeri Kedah, Kelantan, Perak dan Selangor.

Selain itu, responden juga terdiri daripada usahawantani yang sedang berkecimpung di dalam sektor pertanian dan belia yang tidak terlibat dalam mana-mana program pendidikan pertanian mahupun bekerja di dalam pertanian. Jumlah responden yang dijangkakan adalah seramai 1, 500 orang. Walaubagaimanapun daripada 1, 500 borang kaji selidik yang telah diedarkan, hanya sebanyak 1433 borang sahaja berjaya mendapat maklum balas. Kajian ini telah mengkategorikan responden kepada enam kumpulan bagi tujuan yang lebih menjurus kepada kesesuaian masing-masing iaitu kumpulan terfokus.

Justifikasi mengapa ramai responden yang mempunyai latar belakang pengetahuan mahupun pengalaman di dalam bidang pertanian dipilih di dalam kajian ini adalah kerana pengkaji melihat bahawa belia yang berpengetahuan mengenai pertanian samada sikit atau banyak berkecendurungan memberi jawapan yang lebih tepat berbanding dengan belia yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman langsung mahupun terbabit di dalam pertanian. Jika tidak terlibat di

dalam pertanian atau berpendidikan pertanian walaupun di peringkat sekolah menengah, maka mereka tidak berkemampuan memberikan jawapan yang konkrit apabila diajukan pertanyaan mengenai pertanian. Walaubagaimanapun untuk dijadikan perbandingan atau untuk mendapatkan jawapan tertentu, pendapat daripada belia yang tidak terlibat di dalam pertanian tetap diambilkira.

### **3. Persampelan Dan Pengumpulan Data**

Responden yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah dari kalangan belia berumur antara 16 tahun hingga 40 tahun. Pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran borang kaji selidik yang berstruktur samada diisi sendiri oleh responden atau enemurator. Borang kaji selidik mengandungi soalan-soalan yang telah diuji bagi memastikan soalan tersebut difahami dan dijawab oleh responden dan dari segi kebolehpercayaan dan kesahihan. Kerja lapangan pengumpulan data bermula bulan September 2006 dan akhir Oktober 2006. Pengumpulan data dilakukan dengan pelbagai cara iaitu:

- 1) Menghantar borang kaji selidik ke agensi pertanian untuk diedarkan kepada responden yang berkaitan.
- 2) Mengumpul responden di satu tempat dan mengedarkan borang kaji selidik untuk diisi.
- 3) Menghantar borang kaji selidik dari rumah ke rumah responden untuk diisi.

#### **4. Kaedah Analisis dan Analisis Data**

Kaedah analisis yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui kaedah kuantitatif dan perisian SPSS digunakan untuk menganalisis data. Data dianalisis melalui analisis deskriptif untuk mendapatkan peratus, purata dan lain-lain serta Tabulasi Bersilang. Untuk tujuan analisa, fokus diberikan kepada beberapa topik utama iaitu:

- 1) Maklumat latar belakang responden
- 2) Persepsi responden mengenai pertanian di kalangan belia
- 3) Pandangan dan pengetahuan responden mengenai program pendidikan beliatani
- 4) Pandangan dan harapan responden terhadap peranan beliatani di dalam pembangunan pertanian dan masyarakat
- 5) Pendapat responden mengenai kepentingan pertanian kepada pembangunan negara.

#### **5. Jadual Gerak Kerja Pelaksanaan Penilaian**

Jadual 7 menunjukkan aktiviti yang dilakukan dalam gerak kerja proses penilaian. Tempoh kajian adalah selama enam bulan bermula pada Julai 2006 sehingga Disember 2006.

Jadual 7: Gerak Kerja Proses Penilaian

<b>Gerak Kerja</b>	<b>Julai</b>	<b>Ogos</b>	<b>Sept</b>	<b>Okt</b>	<b>Nov</b>	<b>Dis</b>
Kajian Literasi: Pengumpulan Maklumat Awal Dari Responden Dan Menganalisis Dokumen						
Pembentukan Soalan Kaji Selidik						
Kajian Lapangan: Pengumpulan Data dan Survei Di Lokasi Terpilih.						
Analisis Data						
Penyediaan dan Penyerahan Laporan						